



NOTA UCAPAN

**YB TIMBALAN MENTERI
PERDAGANGAN DALAM NEGERI
& HAL EHWAL PENGGUNA**

MAJLIS PERASMIAN

**PROGRAM JELAJAH FRANCHISE BAY
PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2022**

TARIKH : 19 OGOS 2022 (JUMAAT)
**TEMPAT : AEON MALL, SHAH ALAM,
SELANGOR**
MASA : 3.00 PETANG

Pendahuluan

1. Terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, kita dibekalkan dengan kesihatan untuk sama-sama berkumpul di **Program Jelajah Franchise Bay Peringkat Negeri Selangor Tahun 2022** di Aeon Mall, Shah Alam, Selangor pada petang yang mulia ini.

2. Jelajah Franchise Bay adalah program inisiatif Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk menyediakan platform kepada para usahawan francais mempromosikan perniagaan mereka dan bersama-sama menyumbang ke arah pengukuhan ekonomi negara.

3. Program Franchise Bay ini melibatkan penyertaan syarikat francais untuk memperhebatkan promosi perniagaan mereka kepada orang ramai yang berminat untuk berniaga selain menarik usahawan sedia ada yang ingin mengembangkan perniagaan kepada konsep francais. Penyertaan dalam program ini melibatkan **francaisor induk** iaitu individu / syarikat yang memegang hak perniagaan francais di bawah tanda dagangan atau nama dagang mereka di Malaysia.

4. Selain itu, melalui program ini juga, **bakal-bakal peniaga francais didedahkan dengan sistem-sistem perniagaan francais, pakej-pakej latihan dan pembiayaan** yang disediakan oleh Kerajaan. Peluang ini wajar direbut oleh rakyat dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi diri dan keluarga masing-masing.

5. Untuk makluman hadirin sekalian, Siri pertama Jelajah Franchise Bay bagi tahun 2022 telah dirasmikan oleh **YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi**, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna pada 28 Mei 2022 di Kuching, Sarawak. Siri kedua telah dilaksanakan di Johor Bahru, Johor pada 9-11 Jun 2022 dan siri ketiga di Kuantan, Pahang pada (15-17 Julai 2022). Program pada hari ini adalah siri keempat bermula 19 hingga 21 Ogos 2022 dan InsyaAllah, siri terakhir akan dilaksanakan di Kedah pada 17-19 November 2022.

6. **Kesedaran kepada masyarakat mengenai potensi perniagaan francais perlu diperhebatkan tidak kiralah kepada yang baru mahu berjinak-jinak dengan perniagaan mahupun yang sudah mempunyai rangkaian produk sendiri.** Ini kerana perniagaan francais diyakini sebagai model perniagaan yang lebih pantas berkembang dan terjamin berbanding konsep perniagaan konvensional.

Perniagaan francais lazimnya sudah bertapak dengan jenama yang mengukuh dan mempunyai sistem perniagaan yang sudah teruji dengan baik, justeru bakal francais juga tidak perlu mengeluarkan modal besar untuk mempromosikan perniagaan.

Hadirin sekalian,

7. Berdasarkan **Laporan Franchise Bay 2022** yang telah dilaksanakan di (3) negeri sebelum ini, sebanyak 24 francaisor tempatan telah terlibat. Hasil daripada penganjuran program-program ini, seramai;

- i. 59 potensi francais di Sarawak,
- ii. 149 potensi francais di Johor, dan
- iii. 96 potensi francais di Pahang

telah mendapatkan khidmat nasihat dan mengemukakan hasrat mereka untuk menjadi francais dengan **nilai potensi pelaburan dijangkakan adalah sebanyak RM93 juta. Kementerian mensasarkan sekurang-kurangnya 30 potensi francais baharu dengan nilai potensi pelaburan sebanyak RM7.5 juta pada pameran Franchise Bay peringkat negeri Selangor ini.**

Francais Mampu Milik dan Francais Mikro

8. Bagi menggalakkan pengembangan perniagaan francais di negara ini, Kementerian turut menawarkan **Program Francais Mikro dan Mampu Milik**, yang membuka peluang lebih luas untuk bakal usahawan menceburi sektor francais **dengan modal bawah RM100,000**. Ini adalah satu inisiatif Kementerian untuk membuka lebih banyak peluang perniagaan francais terutama dari kalangan B40 dan M40 meningkatkan taraf hidup serta mencipta peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Antara jenama-jenama bersama kita pada hari ini yang menawarkan pakej Francais Mikro dan Mampu milik adalah **Procleaners, HOME Maths Therapy dan Ani Sup Utara**.

9. Saya amat berharap graduan institusi pengajian tinggi, belia dan golongan yang sedang mencari peluang dan berminat menceburi bidang perniagaan terutama dari kalangan B40 dan M40 untuk merebut pilihan yang tersedia ini. Menjadi harapan dan matlamat kementerian untuk melahirkan lebih ramai usahawan francais yang mampu berdaya saing dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

10. Suka untuk saya kongsi di sini, sehingga hari ini, sebanyak 33 permohonan Geran Padanan (Matching Grant)

berjumlah RM2.4 juta telah diluluskan oleh Kementerian di bawah Program Francais Mikro dan Mampu Milik, manakala bagi permohonan Geran Penuh (Full Grant), sebanyak 14 permohonan telah diluluskan berjumlah RM1.4 juta.

11. Apa yang amat membanggakan 33 Geran Padanan dan 14 Gerah Penuh itu berjaya memanfaatkan sepenuhnya golongan B40 dan M40 yang juga kelompok yang disasarkan Kementerian untuk meneroka perniagaan francais. Peluang ini telah membolehkan mereka keluar daripada kepompong kemiskinan dan berjaya meningkatkan taraf hidup ke tahap lebih baik.

Hadirin sekalian,

12. Untuk makluman, KPDNHEP juga giat mengembangkan jenama francais tempatan di persada antarabangsa menerusi misi-misi perdagangan ke luar negara antaranya Arab Saudi, Mesir, Johanesburg dan Indonesia setakat tahun ini.

13. Sehingga kini sebanyak 1,137 syarikat francais telah didaftarkan di KPDNHEP dan kira-kira 36 peratus daripadanya adalah dalam segmen makanan dan minuman atau F&B. Sejumlah 68 syarikat francais tempatan pula telah berjaya

menembusi pasaran antarabangsa dan kini berada di 70 buah negara.

14. Usaha Kementerian untuk membangunkan industri francais dapat dilihat daripada statistik Laporan Tahunan Perniagaan Francais (LTPF). Berdasarkan LTPF 2020, nilai jualan syarikat francais meningkat kepada RM14.6 bilion berbanding RM13.3 bilion yang dicatatkan pada tahun 2019, iaitu peningkatan sebanyak 9.7%.

15. Dengan usaha-usaha memperkasa industri francais yang dilaksanakan, Kementerian sangat optimis perniagaan francais akan terus berkembang pesat dan mengunjurkan peningkatan nilai jualan syarikat francais sehingga RM15 bilion tahun ini. InsyaAllah, dengan usaha dan inisiatif yang dilaksanakan kementerian untuk menyokong daya saing sektor ini, saya yakin sasaran unjuran untuk tahun 2022 ini mampu dicapai.

Perlindungan Harta Intelek

16. Saya juga menyeru kepada para komuniti francais agar memastikan harta intelek terutamanya jenama sesuatu produk didaftarkan sebagai cap dagangan bagi melindunginya daripada ditiru atau diciplak oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Ini adalah kerana harta intelek merupakan satu bentuk aset yang

perlu dilindungi bagi apa sahaja jenis perniagaan terutamanya selepas banyak masa, wang ringgit dan usaha telah dilaburkan bagi membangunkan suatu idea, mahupun reka bentuk sesuatu produk yang dihasilkan.

17. Saya difahamkan menerusi rekod di Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), **terdapat 35,340 pendaftaran cap dagangan diterima bagi negeri Selangor bagi tempoh 5 tahun kebelakangan ini. Syabas diucapkan, namun jika dilihat, bilangan PKS di negeri Selangor ini melebihi 100,000 dan masih ramai lagi yang belum mendaftarkan cap dagangan mereka. Jadi saya menyeru daftarlah cap dagangan anda di MyIPO bagi memastikan ia mendapat perlindungan yang sah di sisi undang-undang dan memberi hak eksklusif kepada pemiliknya bagi tujuan pengembangan perniagaan menerusi aktiviti francais dan pelesenan.**

18. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengalu-alukan anda semua untuk datang ke Pameran dan Persidangan Francais Antarabangsa Malaysia 2022 (FIM 2022) yang akan berlangsung pada 8 hingga 10 September 2022 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

19. Jangan lepaskan peluang untuk berjumpa secara bersemuka dengan penggiat industri francais serta di sini anda berpeluang untuk mendapatkan tawaran pakej perniagaan francais yang menarik di FIM 2022.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Harapan Kementerian

20. Kementerian berharap setiap pempamer di Franchise Bay ini dapat memanfaatkan sepenuhnya program ini untuk meluaskan jenama masing-masing. Buat para pengunjung AEON Mall Shah Alam, sudi-sudilah luangkan masa anda untuk mengenali perniagaan francais dan produk-produk buatan tempatan dengan lebih dekat di samping turut menguar-uarkan program yang dianjurkan ini kepada keluarga dan rakan-rakan.

Penutup

21. Akhir kata, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada Persatuan Francais Malaysia (MFA), Perbadanan Nasional Berhad (Pernas), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), dan pihak Francaisor di atas kesudian anda dalam menjayakan program di

ini. Tidak dilupakan juga, terima kasih kepada pihak *AEON Mall* yang sudi memberikan tapak secara percuma bagi penganjuran program ini. Saya juga berharap agar semua pihak yang terlibat termasuk agensi-agensi kerajaan dan penggiat industri dapat memberikan sokongan yang berterusan bagi menjayakan semua program anjuran Kementerian bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan.

22. Dengan lafaz yang mulia Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan **Program Jelajah Franchise Bay Peringkat Negeri Selangor Tahun 2022.**

Sekian, terima kasih.